



**Dr Mohammad Fadhlly Yahya bersama peguamnya, Farhana Yusuf dan peguam defendan, S Mahadevan ketika pertemuan, semalam.**

## **Ganti rugi RM1.1 juta**

**Defendant menyebabkan seorang doktor lumpuh dalam kemalangan setuju bayar pampasan**



# Doktor dapat ganti rugi RM1.1 juta

Terbabit kemalangan dalam perjalanan ke hospital sehingga menyebabkan beliau lumpuh separuh badan

M JEFFRI RAZALI

**BANDARAYA MELAKA** - Bekas Ketua Bahagian Kemalangan dan Trauma Hospital Melaka berjaya dalam tuntutan ganti rugi am dan khas berjumlah RM1.1 juta akibat lumpuh separuh badan akibat kemalangan jalan raya, tiga tahun lalu.

Keputusan berkenaan dibuat Hakim Mohd Nasir Nordin ekoran perbincangan antara peguam yang mewakili Dr Mohammad Fadhl Yahya selaku plaintif dan defendant, Juraidah Latip.

Plaintif diwakili peguam Farhana Yusuf, manakala defendant diwakili S Mahadevan dan Murali Sandrakan.

Menurut Farhana, kes terbabit dilakukan di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh pada 11 Julai tahun lalu ekoran kemalangan yang berlaku pada



• Motosikal ditunggang Dr Mohammad Fadhl Yahya dirempuh motosikal dinaiki plaintif.

8 Mei 2014.

Akibat kemalangan itu, katanya, Dr Mohammad Fadhl Yahya kini lumpuh separuh badan, selain terpaksa bergantung pada beg stoma dan ubat-ubatan untuk sepanjang hayat.

"Kes ini telah diselesaikan secara baik antara peguam plaintif dan defendant, di mana penghakiman sudah pun dikeluarkan untuk tuntutan ini," katanya.

Mengikut fakta kes, dalam kemalangan di Jalan Pengkalan Batu itu, plaintif sedang menunggang motosikal dari rumahnya di Taman Seri Songket, Batu Berendam, untuk ke tempat kerja di Hospital Melaka

apabila secara tiba-tiba motosikal defendant membekok tanpa memberi isyarat.

Plaintif gagal mengelak dan terus melanggar motosikal berkenaan sebelum tercampak ke atas jalan raya dan dirempuh sebuah motosikal lain yang datang dari arah bertentangan.

Akibat kemalangan itu, plaintif telah patah tulang belakang dua batang tulang rusuk kanan dan tiga tulang rusuk kiri serta mengalami pendarahan paru-paru.

Plaintif turut ditahan di Hospital Melaka hampir sebulan sebelum dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan lanjutan neurosurgeri selama sebulan.

Plaintif kemudian dipindahkan ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada 3 Julai 2014 sehingga kini disebabkan rawatan lanjutan komplikasi kolostomi.



Dr Mohammad Fadhl Yahya (tengah, berkerusi roda) bersama Farhana (kanan) selaku peguamnya dan Mahadevan.